

Pengaruh Ibu Bapa Terhadap Penggunaan Gadget dalam Kalangan Kanak-Kanak di Kuantan

Parental Influence on Gadgets Use Among Children in Kuantan

MOHD NIZAM NAQIYUDDIN AHMAD SOBRI & MOHAMED AYOB SUKANI

ABSTRAK

Kertas kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan penggunaan gajet terhadap aspek fizikal, afektif, dan psikomotor kanak-kanak yang berada di Kuantan. Aspek implikasi penggunaan gajet terhadap perkembangan menyeluruh kanak-kanak di Kuantan turut diteliti, dengan tumpuan kepada elemen penggunaan gajet yang semakin menjadi kebiasaan, terutamanya dalam kalangan ibu bapa yang memberikan gajet kepada kanak-kanak berumur 3 tahun ke bawah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah soal selidik dalam talian Google Form yang melibatkan 110 responden, iaitu ibu bapa yang tinggal di Kuantan. Instrumen kajian terdiri daripada borang soal selidik yang mengandungi dua bahagian utama, yang bertujuan untuk mencapai objektif kajian. Analisis data akan dilakukan secara deskriptif, merangkumi kekerapan dan peratusan untuk menerangkan kesan penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh. Dapatkan kajian ini akan memberikan gambaran tentang kesan penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak, dan menyumbang kepada keperluan penyelidikan lebih mendalam mengenai hubungan antara penggunaan gajet dan perkembangan kanak-kanak. Kajian lanjutan yang dilakukan dapat memberikan pemahaman lebih terperinci mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi kesan penggunaan gajet serta cara untuk memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi dalam pendidikan kanak-kanak. Secara kesimpulan, kajian ini menunjukkan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam memberi kebenaran untuk penggunaan gajet kepada kanak-kanak, terutamanya apabila di rumah. Pemahaman dan kesedaran ibu bapa mengenai kesan penggunaan gajet menjadi faktor utama dalam pemberian gajet kepada kanak-kanak. Gap atau masalah utama yang dikenal pasti dalam kajian ini adalah kurangnya kesedaran mengenai kesan jangka panjang penggunaan gajet terhadap perkembangan menyeluruh kanak-kanak, yang memerlukan kajian lebih lanjut untuk memahami dengan lebih baik faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan ibu bapa dalam hal ini.

Kata Kunci: Perkembangan menyeluruh kanak-kanak; gajet; peranti pintar; pengaruh; kanak-kanak; persepsi; ibu bapa

ABSTRACT

This study aims to identify the impact of gadget usage on the physical, affective, and psychomotor aspects of children in Kuantan. The implications of gadget usage on the overall development of children in Kuantan are also explored, with a particular focus on the growing trend among parents of providing gadgets to children under the age of 3. This study employs a quantitative approach, utilizing an online survey method through Google Forms, involving 110 respondents, specifically parents residing in Kuantan. The research instrument consists of a questionnaire with two main sections, designed to address the research objectives. Data analysis will be conducted descriptively, encompassing frequency and percentage analysis to explain the impact of gadget usage on children's overall development. The findings of this study will provide insight into the effects of gadget usage on children's development and contribute to the need for more in-depth research on the relationship between gadget usage and child development. Subsequent studies could offer a more detailed understanding of the factors influencing the effects of gadget use and suggest ways to maximize the benefits of technology in early childhood education. In conclusion, this study reveals that parents play a crucial role in permitting gadget usage for children, particularly at home. The parents' understanding and awareness of the effects of gadget use are key factors influencing their decisions to provide gadgets to children. A significant gap identified in this study is the lack of awareness regarding the long-term effects of gadget usage on children's overall development, highlighting the need for further research to better understand the factors influencing parental decisions in this regard.

Keywords: Holistic development; gadget; smart phone; influence; children; perspective; parents

PENGENALAN

Perkembangan Industri Revolusi 4.0 yang pesat telah mengubah lanskap dunia digital, media, dan telekomunikasi (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi 2023). Transformasi ini turut mendorong Malaysia untuk bergerak selari dengan tuntutan kehendak semasa demi memastikan agar kemajuan negara dapat terjamin (Sugunah Supermane 2022; Nurul Azwani, Mohd Idriki & Tan Bee Piang 2022). Perkembangan ini pada awalnya memberikan banyak manfaat positif kepada pengguna dalam kehidupan sehari-hari, terutamanya untuk mempercepatkan capaian maklumat yang boleh diakses di hujung jari (Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail 2022). Namun, dalam era digital yang berkembang pesat ini, kemajuan teknologi juga membawa pelbagai cabaran, khususnya dalam kalangan generasi kanak-kanak yang dilihat semakin leka dengan penggunaan gajet. Hal ini menyebabkan wujudnya jurang komunikasi dan hubungan positif dalam keluarga.

Penggunaan gajet yang berlebihan akan memberi impak negatif terhadap hubungan sesama ahli keluarga, terutama dalam konteks komunikasi harian antara ibu bapa dan anak-anak. Keterujaan anak-anak dalam menggunakan gajet sepanjang hari menyebabkan interaksi antara ahli keluarga menjadi semakin terbatas. Hasri Harun dan Hasliza Mohamad Ali (2022) menyatakan bahawa isu perkembangan kanak-kanak kini bukan hanya berkaitan dengan masalah interaksi dengan rakan sebaya, tetapi juga dipengaruhi oleh teknologi moden yang memberi kesan buruk kepada komunikasi dan hubungan sosial mereka dengan ibu bapa apabila di rumah. Hal ini, jika tidak dibendung, dikhuatir boleh merosakkan fungsi institusi sesebuah keluarga, khususnya dalam aspek komunikasi dan interaksi dua hala antara ibu bapa dan anak-anak.

Menurut Johny Lumowa dan Nofriandi Rudu (2023), gajet didefinisikan sebagai alat peranti yang berbentuk elektronik kecil yang mempunyai fungsi tertentu seperti tablet, telefon pintar, komputer, dan sebagainya. Gajet biasanya digunakan dalam kehidupan sehari-hari untuk tujuan komunikasi dan hiburan (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi 2023). Namun demikian dapat dilihat penggunaan gajet yang telah menjadi kebiasaan dalam kalangan kanak-kanak telah menimbulkan keimbangan kerana ia memberi kesan negatif terhadap perkembangan mereka dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Kajian yang dilakukan oleh Lembaga Penduduk

dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) di Lembah Klang menunjukkan bahawa 72% daripada kanak-kanak diberikan gajet oleh ibu bapa mereka, yang sering mengandungi kandungan pelbagai jenis (Shamilatul Sufia Abdullah & A'dawiyah Ismail 2022).

Situasi ini menunjukkan bahawa kanak-kanak kini cenderung menjadikan gajet sebagai aksesori harian yang sentiasa ada bersama mereka. Hal ini perlu diberi perhatian serius oleh keluarga, terutamanya ibu bapa, agar tidak menjelaskan perkembangan menyeluruh kanak-kanak. Dalam institusi keluarga, ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam mempengaruhi perkembangan anak-anak mereka (Annisa Nabilah Rahmah et al. 2024). Kehidupan awal kanak-kanak banyak dipengaruhi oleh gaya keibubapaan yang diterapkan oleh ibu bapa (Safinah Ismail et al. 2023).

Memandangkan isu ini semakin menjadi topik perbincangan hangat, kajian ini diharap dapat mengisi jurang pengetahuan, khususnya dalam kalangan ibu bapa. Sebahagian besar kajian di Malaysia lebih tertumpu kepada remaja (Ng Hui Yu, Shahlan Surat & Saemah Rahman 2023), maka kajian ini akan memberi tumpuan kepada penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak pada usia awal. Berdasarkan perbincangan di atas, beberapa objektif kajian telah dirangka untuk mengkaji isu ini secara lebih mendalam.

1. Mengetahui maklumat dari ibu bapa berkaitan jenis isi kandungan gajet yang dilihat oleh kanak-kanak;
2. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kanak-kanak dan
3. Mengenal pasti perubahan tingkah laku kanak-kanak terhadap penggunaan gajet.

KAJIAN LITERATUR

Generasi kanak-kanak pada masa kini sangat terbiasa dengan gajet dalam kehidupan sehari-hari. Lebih tepat lagi generasi alpha yang hidup dengan kepesatan dunia teknologi tidak akan lari dengan gajet sebagai medium yang diperlukan setiap masa. Malah ibu bapa juga dilihat sebagai faktor utama berlakunya situasi sebegini kerana terdapat segelintir ibu bapa akan menggunakan gajet sebagai alat untuk memujuk atau menenangkan anak mereka (Amanda Rosa Amalia 2023). Penggunaan gajet seperti *iPad*, tablet serta telefon bimbit dalam kalangan kanak-kanak pada awal usia adalah sangat tidak sesuai

kerana boleh menjelaskan perkembangan mereka. Ini disokong oleh Hanisah Mat dan Azizah Zain (2022) yang menyatakan penggunaan gajet yang kerap akan melemahkan kebolehan motor halus kanak-kanak yang sangat diperlukan untuk menulis apabila mereka dewasa kelak.

Selain itu, penggunaan gajet yang berlebihan boleh mengurangkan interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang terlalu banyak meluangkan masa dengan gajet mungkin kurang berpeluang untuk berinteraksi secara langsung dengan rakan sebaya atau orang dewasa, yang merupakan aspek penting dalam pembelajaran kemahiran sosial seperti komunikasi, bekerjasama, dan menyelesaikan konflik (Shahirah Rafee & Nurhikmah Mubarak Ali 2022). Kajian oleh Amalia (2023) menunjukkan bahawa ibu bapa menggunakan gajet sebagai alat untuk menenangkan atau memujuk anak mereka mungkin tanpa sengaja memperkenalkan kebiasaan yang menghalang anak-anak daripada belajar cara untuk berhadapan dengan perasaan atau stres tanpa bergantung pada teknologi.

Aina Rasyidah Samsuddin dan Hapsah Md Yusof (2020) menyatakan bahawa terlalu banyak pendedahan kepada gajet boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan emosi kanak-kanak. Sesetengah kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet yang berlebihan boleh mengganggu perkembangan kemahiran pengawalan emosi mereka, terutama ketika mereka terdedah kepada kandungan digital yang mungkin terlalu merangsang atau kurang sesuai dengan umur. Ini boleh menyebabkan masalah seperti kesihatan mata, kurangnya tumpuan, dan dalam kes yang lebih serius, gangguan tidur dan masalah tingkah laku (Kementerian kesihatan Malaysia 2018). Oleh itu, penting bagi ibu bapa dan penjaga untuk memberi perhatian kepada jenis kandungan yang didedahkan kepada anak-anak, serta masa yang mereka habiskan dengan gajet.

Dari segi perkembangan kognitif, penggunaan gajet boleh memberi kesan yang berbeza bergantung kepada cara ia digunakan. Satu sisi yang positif ialah aplikasi pendidikan yang boleh membantu dalam mempelajari konsep asas seperti huruf, nombor, dan kemahiran asas bahasa. Walau bagaimanapun, penggunaan gajet yang tidak terhad atau tanpa pengawasan boleh menghalang kanak-kanak daripada membina kemahiran berfikir secara kritikal atau menyelesaikan masalah secara kreatif, kerana mereka mungkin terlalu bergantung kepada maklumat atau hiburan yang disediakan oleh

teknologi (Aina Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof 2020). Menurut Hanisah Mat dan Azizah Zain (2022), penggunaan gajet yang berlebihan boleh memberi impak negatif terhadap kebolehan motor halus kanak-kanak, yang penting untuk perkembangan kemahiran menulis dan tugas-tugas fizikal lain pada masa depan.

Nor Hamizah Ab Razak dan Norhafisah Abd Rahman (2023) keasyikan bermain dengan gajet dalam kalangan kanak-kanak telah menjadi cabaran baharu kepada institusi keluarga pada masa kini. Kajian menunjukkan kanak-kanak di Malaysia secara puratanya memperuntukkan lebih kurang 19 jam dalam seminggu untuk bermain gajet. Situasi ini akan memberi impak yang negatif kepada tumbesaran serta kognitif kanak-kanak secara khususnya. Oleh hal yang demikian, peranan ibu bapa dilihat sangat penting dalam hal ini bagi memantau kadar penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak (Hanisah Mat & Azizah Zain 2022). Lebih membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa yang terlalu sibuk sehingga cenderung membenarkan serta menggalakkan anak-anak mereka untuk bermain dengan gajet sebagai teman rapat mereka hingga tingkah laku anak-anak mereka menjadi pasif (Amanda Rosa Amalia 2023).

Penggunaan gajet secara berlebihan akan membawa kepada ketagihan gajet yang mampu memberi impak yang serius kepada masyarakat dan negara (Aina Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof 2020). Hal ini turut disuarakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad yang berpandangan bahawa penggunaan gajet tanpa kawalan dalam kehidupan akan membawa banyak masalah kepada aspek pembentukan sosio budaya, nilai dan akhlak dalam sebuah masyarakat (Shahirah Rafee & Nurhikmah Mubarak Ali 2022) kerana aksi-aksi atau perbuatan yang tidak sewajarnya yang dipertontonkan seperti hubungan tanpa batas antara lelaki dan perempuan, akan menjadi ikutan dan budaya oleh generasi muda. Secara keseluruhannya, meskipun gajet boleh memberikan manfaat dalam aspek pendidikan dan hiburan, ia penting untuk diimbangi dengan aktiviti lain yang melibatkan interaksi fizikal, sosial, dan mental yang lebih mendalam. Ibu bapa dan penjaga harus bertanggungjawab dalam mengawal penggunaan gajet oleh anak-anak mereka dan memastikan bahawa mereka memperoleh pengalaman yang seimbang bagi perkembangan sosial, emosi, dan kognitif yang sihat.

PERANAN IBU BAPA

Dalam institusi keluarga, ibu bapa merupakan individu yang paling tepat untuk mendidik anak-anak mereka pada peringkat permulaan kerana sebelum ke pusat institusi pendidikan (Farah Nurliena Che Husin, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Shahlan Surat 2023). Ibu bapa perlu sentiasa mencari jalan serta inisiatif yang bijak supaya anak-anak mereka tidak leka bermain gajet sehingga mengabaikan aspek kekeluargaan (Hanisah Mat & Azizah Zain 2022). Hal ini demikian kerana rumah adalah ruang dan tempat untuk keluarga bersama-sama meluangkan masa yang berkualiti dalam masa yang sama merapatkan hubungan kekeluargaan (Nura Zafirah Zailan & Iylia Mohamad 2023). Oleh hal yang demikian, ilmu keibubapaan sangat dituntut dalam hal ini supaya persekitaran yang positif dan bermakna dapat disediakan kepada anak-anak mereka untuk tujuan perkembangan menyeluruh. Berdasarkan kajian yang lepas, wujud hubungan yang tidak proaktif dalam keluarga sekiranya setiap ahli keluarga lebih cenderung ke arah penggunaan telefon bimbit semasa di rumah (Nor Hamizah Ab Razak & Norhafisah Abd Rahman 2023).

Tidak dinafikan penggunaan gajet atau konten perisian di dalam Internet dapat membantu proses pembelajaran kanak-kanak, namun penggunaan secara tidak terkawal akan memberi kesan yang buruk kepada perkembangan menyeluruh kanak-kanak meliputi aspek kesihatan, kognitif, afektif dan psikomotor (Shahirah Rafiee & Nurhikmah Mubarak Ali 2022). Antara kesan yang ketara adalah apabila terdapat segelintir ibu bapa yang pulang dari kerja dan tidak mahu meluangkan masa bersama anak-anak mereka lalu memberikan gajet supaya ibu bapa dapat rehat dan tenangkan fikiran setelah penat seharian bekerja. Ini turut dinyatakan oleh Nura Zafirah Zailan dan Iylia Mohamad (2023) sikap segelintir ibu bapa yang mengabaikan dan mendera emosi kanak-kanak setelah pulang dari kerja dengan membiarkan anak-anak mereka bermain atau melakukan aktiviti bersendirian tanpa pengawasan. Hal ini bukan sahaja menyebabkan berlakunya penganiayaan malah komunikasi dalam keluarga juga turut akan terjejas.

Menurut Nor Hamizah Ab Razak dan Norhafisah Abd Rahman (2023), penggunaan gajet yang telah menjadi rutin kebiasaan bagi kanak-kanak akan menghalang mereka untuk bersosial, berinteraksi, keluar rumah dan bermain bersama rakan-rakan yang sememangnya menjadi sifat semulajadi

mereka. Hal ini demikian kerana bagi kanak-kanak gajet atau konten di dalam telefon bimbit lebih menarik berbanding aktiviti yang lain. Dari kaca mata ibu bapa pula, kebergantungan kepada gajet akan melumpuhkan aktiviti harian dalam keluarga, kualiti hubungan ibu bapa dan anak-anak serta akhirnya membawa kepada perubahan tingkah laku yang negatif dalam kalangan kanak-kanak (Nor Hamizah Ab Razak & Norhafisah Abd Rahman 2023).

TEORI PEMBELAJARAN DAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK

Tokoh-tokoh Pendidikan Awal Kanak-Kanak (PAKK) telah mengemukakan idea dalam kajian mereka sejak beberapa dekad yang lalu. Hasil daripada itu, idea mereka sering dijadikan panduan kepada semua pihak dalam membantu perkembangan kanak-kanak. Sesuai dengan kajian ini, teori-teori yang dikemukakan adalah berlandaskan kepada bagaimana kanak-kanak belajar dan berkembang serta elemen yang mempengaruhi perkembangan dan pembelajaran mereka.

TEORI PENGLIBATAN IBU BAPA EPSTEIN

Teori dan idea hasil daripada tokoh Joyce Epstein (1997) melibatkan enam jenis penglibatan ibu bapa yang berdasarkan hubungan antara keluarga, sekolah, dan komuniti yang merangkumi komponen keibubapaan, komunikasi, khidmat sukarela, pembelajaran di rumah, membuat keputusan dan kolaborasi dengan komuniti (Dede Nurul Qomariah et al. 2022). Pandangan tentang penglibatan ibu bapa yang disampaikan dalam model Epstein ini yang menerangkan tentang bagaimana proses pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak berlaku. Jelas sekali pengaruh keluarga khususnya ibu bapa, sekolah, dan komuniti dapat membantu kanak-kanak sepanjang pembesaran mereka. Dengan erti kata yang lain, proses perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak boleh berlaku di mana-mana sahaja selagi mana kanak-kanak berada di persekitaran yang membantu mereka untuk belajar dan berkembang (Mollaw Abraha 2022).

Selain itu, bentuk penglibatan ibu bapa dalam konteks ini digambarkan juga bergantung kepada bagaimana setiap komponen tersebut berinteraksi antara satu sama lain. Menurut Marissa Putri Lutfiatin, Stephani dan Raihana Hamdan (2021), jika berlakunya interaksi yang positif dan berkesan maka perkembangan kanak-kanak juga akan berarah

kepada perkara-perkara yang positif dan begitu juga sebaliknya. Ini turut disokong oleh Sri Rahayuningsih, Lita Latiana dan Yuli Kurniawati Sugiyo Pranoto (2022) yang bersetuju bahawa penglibatan mahupun penyertaan ibu bapa perlulah aktif terutama sekali dalam aspek pembelajaran seperti membimbing dan memberi perhatian sekaligus dapat meningkatkan perkembangan holistik mereka. Dalam konteks ini, ibu bapa perlu bijak melibatkan diri mereka dalam kekangan masa yang sering menghantui golongan ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada masa kini bentuk penglibatan ibu bapa tidak hanya perlu bersifat formal malah mereka juga sebenarnya dapat menghulurkan bantuan dari aspek kepakaran, sumbangan idea, tenaga, wang ringgit dan lain-lain. Dalam konteks teori Epstein, ibu bapa boleh mengambil langkah untuk mengawal penggunaan gajet anak-anak dengan mengintegrasikan elemen-elemen penglibatan yang ada dalam teori ini iaitu ibu bapa boleh menetapkan peraturan yang jelas tentang penggunaan gajet di rumah, seperti had masa penggunaan gajet, jenis kandungan yang boleh diakses dan waktu yang sesuai untuk menggunakan gajet. Dalam usaha untuk memperkuuhkan hubungan antara teori Epstein dan pengawalan penggunaan gajet, ibu bapa perlu menggunakan pendekatan yang menyeluruh, yang merangkumi bukan sahaja pembatasan dan pemantauan, tetapi juga penggunaan teknologi sebagai alat yang memberi manfaat dalam proses pembelajaran anak-anak. Oleh itu, penglibatan ibu bapa yang bijak dan seimbang akan membantu mengawal penggunaan gajet anak-anak dengan cara yang menyokong pembelajaran dan perkembangan mereka secara holistik.

TEORI EKOLOGI URIE BRONFENBRENNER

Selain itu, terdapat juga teori lain yang turut menekankan kepada elemen persekitaran yang positif. Teori ekologi Bronfenbrenner ialah teori yang diasaskan oleh Urie Bronfenbrenner dilihat sesuai untuk menggambarkan tentang kepentingan persekitaran yang merangkumi persekitaran kehidupan kanak-kanak yang mampu mempengaruhi perkembangan menyeluruh mereka. Menurut Rohayati Junaidi (2020), perkataan ekologi berasal daripada perkataan Greek, *oikos* yang bermaksud bererti ‘rumah’. Ekologi merupakan salah satu dari cabang ilmu sains yang mengkaji tentang hubungan interaksi di antara persekitaran. Ekologi dalam konteks perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak dilihat kepada bagaimana seorang kanak-

kanak mampu menyesuaikan diri dengan persekitaran kehidupan mereka. Ini turut disokong oleh Shazlin Sulaiman dan Mohd Hanafi Md Yasin (2022) bahawa teori ekologi melihat bahawa pentingnya interaksi di antara ibu bapa dengan anak-anak yang sangat mempengaruhi kehidupan mereka. Secara terperinci, Urie Bronfenbrenner telah mengupas tentang dengan lebih terperinci tentang setiap linkungan tersebut iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem (Ivan Christian 2022).

Dalam konteks teori ini, interaksi di antara kanak-kanak dengan persekitarannya dikatakan akan dapat mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan seorang kanak-kanak. Secara khususnya, dalam kajian ini yang melibatkan ibu bapa iaitu lingkungan yang pertama mikrosistem iaitu melibatkan elemen persekitaran yang terdekat dengan kanak-kanak dan di dalam lingkungan ini, kanak-kanak akan berinteraksi secara langsung dan dipercayai menghabiskan lebih banyak masa bersama-sama. Dengan ini, terbukti bahawa ibu bapa ialah individu terpenting dan mereka merupakan agen sosialisasi yang paling penting dalam mempengaruhi kehidupan dan tingkah laku seseorang kanak-kanak. Maka tidak hairanlah jika kanak-kanak menunjukkan tingkah laku yang bermasalah apabila berada di rumah mahupun pusat institusi pendidikan (Shazlin Sulaiman & Mohd Hanafi Md Yasin 2022).

Teori daripada Bronfenbrenner difahami bahawa perkembangan seseorang, khususnya kanak-kanak perlu dilihat dari sudut pandang yang lebih luas. Perkembangan setiap kanak-kanak adalah berbeza kerana menghadapi persekitaran yang berbeza-beza, namun mempunyai corak perkembangan yang tersendiri dan tidak semua kanak-kanak akan mempunyai titik perkembangan yang selari antara satu sama lain (Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir & Rahim Kamarul Zaman 2020). Oleh itu, kualiti dalam setiap konteks persekitaran bermula sejak dari zaman kanak-kanak perlu diberi penekanan oleh semua pihak terutamanya ibu bapa agar dapat menghasilkan modal insan yang bermutu, berilmu, berkeyakinan dan mempunyai nilai yang tinggi (Rohayati 2020; Raihan Mohd Ariffin 2020).

Dalam konteks teori ekologi Bronfenbrenner, persekitaran yang terdekat dengan kanak-kanak (mikrosistem) akan memberikan impak besar terhadap tingkah laku dan perkembangan mereka. Mikrosistem ini merangkumi hubungan langsung

dengan ibu bapa, guru dan individu yang ada dalam kehidupan kanak-kanak, termasuk masyarakat sekeliling seperti ibu bapa boleh menetapkan waktu tertentu untuk penggunaan gajet dan memastikan kandungan yang ditonton adalah sesuai dengan perkembangan mental dan sosial kanak-kanak. Sekiranya ibu bapa tidak mengawasi penggunaan gajet dengan teliti, hal ini boleh memberi kesan negatif terhadap kemahiran sosial, pengurusan masa, dan juga kesihatan fizikal kanak-kanak. Selain itu, guru juga boleh menyedarkan kanak-kanak tentang risiko penggunaan gajet yang tidak terkawal dan membantu kanak-kanak memahami kesan penggunaan gajet yang berlebihan terhadap pembelajaran dan perkembangan emosi mereka. Tambahan lagi, masyarakat boleh berperanan dengan memberikan sokongan sosial, seperti menyediakan alternatif aktiviti luar yang dapat menggalakkan interaksi sosial dan kemahiran fizikal kanak-kanak.

Keseluruhan, interaksi yang positif dan pengawasan yang aktif dari ibu bapa, guru, dan masyarakat akan membantu kanak-kanak untuk mengimbangi penggunaan gajet dengan aktiviti lain yang lebih bermanfaat bagi perkembangan mereka. Peningkatan kesedaran dalam kalangan semua pihak mengenai pentingnya persekitaran yang sihat dan seimbang adalah kunci dalam membimbing kanak-kanak untuk berkembang secara menyeluruh dalam dunia yang semakin dipengaruhi oleh teknologi.

TEORI PERKEMBANGAN JEAN PIAGET

Dalam pendidikan awal kanak-kanak, Jean Piaget merupakan tokoh yang sering dikaitkan dengan perkembangan kognitif kanak-kanak. Menurut Hanisah Mat dan Azizah Zain (2022) teori perkembangan Jean Piaget menunjukkan bahawa kanak-kanak perkembangan kanak-kanak akan melalui empat proses iaitu skema dan skemata, asimilasi, akomodasi dan perimbangan yang berkait rapat dengan perkembangan mental. Kesemua empat peringkat tersebut bergantung kepada interaksi kanak-kanak dengan persekitaran. Muhammad Asri Nasir (2022), Jean Piaget turut menjelaskan bahawa tahap kemampuan dan perkembangan kognitif seseorang individu bermula dari awal usia kanak-kanak menerusi perhubungan dengan adaptasi dan interpretasi mereka dengan lingkungan persekitaran (Handika, Teti Zubaidah & Ramdhani Witarsa 2022). Ini bermakna tahap perkembangan kognitif kanak-kanak akan berkembang dengan pesat pada awal usia dan turut mengalami perubahan dari satu

tahap ke tahap yang lain tetapi bergantung kepada bagaimana interaksi mereka dengan persekitaran yang membantu ke arah yang lebih positif (Helda Kusuma Wardani 2022).

Tambahan lagi, dalam konteks perkembangan kanak-kanak, bagi membolehkan kanak-kanak berpeluang memperolehi perkembangan kognitif yang pesat, kanak-kanak perlu sentiasa aktif melibatkan diri dan berhubung dengan persekitarannya yang merangkumi ibu bapa, bahan pembelajaran mahupun peralatan mainan serta lain-lain lagi (Muhammad Asri Nasir 2022). Oleh hal yang demikian, semestinya ibu bapa perlu menjadi lebih proaktif dan kreatif dalam menyediakan persekitaran yang kondusif dan bermakna kepada anak-anak mereka semasa di rumah. Ia tidak perlu bersifat pengajaran yang formal malah penyediaan persekitaran yang kondusif turut melibatkan aktiviti bermain yang tidak bersifat pembelajaran formal. Teori Jean Piaget ini sedikit berbeza daripada tokoh yang lain kerana beliau tidak hanya memberi penekanan kepada ibu bapa, guru dan pusat institusi pendidikan secara umumnya malah beliau juga turut memfokuskan kepada keterlibatan aktif kanak-kanak itu sendiri dalam usaha meningkatkan perkembangan kognitif mereka (Nina Agustyaningrum, Paskalia Pradanti & Yuliana 2022). Ini bermaksud teori perkembangan ini juga menekankan kepada aktiviti yang melibatkan kanak-kanak secara aktif dan bukannya hasil daripada tindakan mahupun keputusan kerana bagi Jean Piaget proses itu lebih penting untuk kanak-kanak belajar dan mendapat sesuatu ilmu (Nurhadi 2020).

Sebagaimana komponen perkembangan kanak-kanak yang lain, perkembangan kognitif juga merupakan salah satu komponen yang sangat penting kepada aspek perkembangan menyeluruh kanak-kanak kerana proses perkembangan tersebut akan berlaku mengikut kepada tahap kematangannya tersendiri (Akmillah Ilhami 2022). Ini disokong oleh Valentino Reykliv Mokalu et al. 2022 yang menyatakan aspek kematangan perkembangan kognitif seseorang kanak-kanak akan mempengaruhi perkembangan yang lain kerana komponennya turut meliputi kemampuan dan kebolehan seseorang itu untuk berfikir dengan lebih kompleks, menilai, serta berkemahiran untuk menyelesaikan masalah. Dalam erti kata yang lain, kanak-kanak yang telah menguasai kematangan kognitif tidak akan mempunyai kesukaran dalam menyesuaikan diri dengan persekitaran walau di mana mereka berada.

Menurut Mat dan Azizah Zain (2022), penggunaan gajet yang berlebihan boleh mengganggu daya tumpuan kanak-kanak. Aktiviti seperti melayari media sosial atau bermain permainan yang terlalu berwarna-warni dan cepat bergerak boleh menyebabkan mereka sukar untuk menumpukan perhatian pada tugas yang lebih panjang atau kompleks. Shima Dyana Mohd Fazree dan Siti Marziah Zakaria (2018) berpendapat penggunaan gajet sebelum tidur boleh menjelaskan kualiti tidur kanak-kanak, yang seterusnya memberi impak negatif kepada perkembangan otak dan kognitif mereka kerana kurang tidur boleh menyebabkan masalah dengan ingatan, tumpuan, dan pembelajaran secara keseluruhan (Nur Aina Muhamadi & Mahathir Yahaya 2023).

TEORI PEMBELAJARAN SOSIAL ALBERT BANDURA

Selain itu, terdapat juga teori yang secara khusus menerangkan tentang proses pembelajaran kanak-kanak. Teori Behaviorisme yang dikemukakan oleh Albert Bandura ini berpendapat setiap tingkah laku yang terjadi yang dilakukan oleh manusia adalah disebabkan oleh reaksi dan tindak balas dengan persekitaran (Habib Maulana Maslahul Adi 2020). Ini turut disokong oleh Nur Aina Najiehah Tarmizi dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman (2022), yang berpendapat teori yang diperkenalkan oleh Albert Bandura adalah sangat terkenal dalam menerangkan tentang tingkah laku manusia menerusi teori pembelajaran sosial (*Social Learning Theory*). Teori ini turut memperincikan tentang bagaimana tingkah laku seseorang itu diperoleh melalui aspek pemahaman, pemerhatian dan kognitif yang secara terperinci menggunakan istilah tingkah laku atau stimulus dan maklum balas atau respon. Menurut Albert Bandura lagi, setiap tingkah laku yang terjadi yang dipersembahkan oleh manusia adalah disebabkan oleh reaksi dan interaksi antara stimulus dan respon.

Tambahan lagi, teori ini menerangkan bagaimana tingkah laku seseorang itu yang dibentuk melalui hasil interaksinya dengan persekitaran menerusi istilah yang diguna pakai yang merujuk kepada komponen kognitif dan sosial yang menjadi tunjang dalam teori ini (Rachmat Tullah & Amiruddin 2020). Dalam perihal tingkah laku kanak-kanak sesuatu peristiwa yang berlaku dan kemudian

ditunjukkan semula dalam bentuk tingkah laku adalah dipengaruhi oleh elemen persekitaran dan sosial di mana persekitaran kanak-kanak itu berada (Harindra Dina Natamia, Fitria Unzurna & Endang Fauziati 2022). Oleh sebab itu, setiap perbuatan, tingkah laku, percakapan dan sebagainya yang dilihat oleh seseorang kanak-kanak akan diproses untuk menjadi pengetahuan yang baru mereka pelajari dan mungkin akan dilakukan semula oleh kanak-kanak pada masa akan datang tidak kira baik atau buruk (Nada Shobah & Achmad Khudori Sholeh 2022).

Dalam konteks kajian ini, penggunaan gajet kepada kanak-kanak perlu dihadkan untuk keperluan pembelajaran mereka sahaja dan tidak boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang dengan pengisian konten yang tidak memberi manfaat kepada mereka (Hanisah Mat & Azizah Zain 2022). Hal ini kerana kanak-kanak dipercayai akan meniru gaya atau tingkah laku yang mereka lihat sepanjang melihat konten di dalam gajet tersebut. Selain daripada itu ibu bapa juga perlu mengawasi anak-anak mereka semasa menggunakan gajet bagi memastikan anak-anak mereka tidak mendapat input yang negatif dan melakukan semula aksi, percakapan, tingkah laku dan sebagainya (Hanisah Mat & Azizah Zain 2022).

METODOLOGI

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang dirangka dan disebarluaskan secara dalam talian iaitu *Google Form* untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap kesan penggunaan gadjet kepada perkembangan kanak-kanak di Kuantan. Proses mengumpul maklumat daripada responden adalah bertujuan untuk mengukur objektif kajian yang dijalankan.

POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Populasi bagi kajian ini adalah sebanyak 120 orang dalam kalangan ibu bapa di sekitar Kuantan Pahang. Selain itu, pemilihan responden kajian dilakukan

secara rawak adalah dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak yang masih berada di bangku pusat institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu di taska sekitar Kuantan. Ibu bapa yang telah bersetuju menjadi responden dalam kajian ini diharapkan mempunyai latar belakang yang berbeza dari segi ilmu pengetahuan keibubapaan, bilangan anak, pendapatan bulanan dan lain-lain lagi.

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran yang lebih luas mengenai pelbagai faktor yang mempengaruhi ibu bapa dalam aspek keibubapaan, dengan memberi perhatian khusus kepada latar belakang pengetahuan keibubapaan mereka sebagai contoh, ibu bapa yang memiliki latar belakang mengenai ilmu keibubapaan mungkin memiliki pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengasuhan anak berbanding dengan mereka yang kurang terdedah kepada perkara tersebut. Perbezaan dalam sumber pengetahuan ini boleh mempengaruhi pendekatan mereka terhadap pengasuhan anak, yang mungkin mempengaruhi keputusan atau pendapat mereka dalam kajian. Selain itu, ibu bapa dengan bilangan anak yang berbeza mungkin mempunyai pengalaman yang berbeza dalam pengasuhan iaitu ibu bapa yang memiliki lebih daripada seorang anak mungkin telah belajar daripada pengalaman pengasuhan mereka yang terdahulu.

Oleh hal yang demikian, dengan memilih responden secara rawak, kajian ini dapat memastikan sampel populasi yang lebih luas, dengan pelbagai latar belakang. Ini penting untuk mengurangkan potensi bias yang mungkin timbul jika hanya ibu bapa daripada latar belakang tertentu sahaja yang terlibat. Pemilihan responden secara rawak juga berfungsi untuk mendapatkan pandangan ibu bapa dari pelbagai segi yang hanya fokus pada satu segmen masyarakat. Secara keseluruhan, pemilihan ibu bapa dalam kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pelbagai pandangan yang mencerminkan pelbagai latar belakang dan pengalaman dalam keibubapaan. Oleh itu, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang pelbagai faktor yang mempengaruhi persepsi ibu bapa terhadap pengasuhan dan pendidikan anak, serta potensi bias yang mungkin timbul dalam kajian.

INSTRUMEN KAJIAN

Soalan kaji selidik yang diedarkan kepada ibu bapa sebagai responden yang memenuhi kriteria yang

ditetapkan dalam kajian ini. Soalan kaji selidik ini merangkumi beberapa bahagian yang merangkumi latar belakang responden seperti tempat tinggal, sektor pekerjaan dan anggaran pendapatan. Seterusnya diikuti dengan beberapa soalan untuk melihat komponen penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak mereka. Data yang diperoleh hasil daripada soalan kaji selidik kemudian akan dimasukkan ke dalam perisian IBM *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26 untuk dianalisis mendapatkan nilai kekerapan dan peratusnya dan kemudian dibentang dalam bab seterusnya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini telah melibatkan 120 responden yang terdiri daripada 55 orang lelaki (45.83%) dan sebanyak 65 orang (54.16%). Kelompok umur responden pula terbahagi kepada 3 jenis iaitu sekitar 20-25 tahun, 26-30 tahun, dan 31-35 tahun. Hasil daripada analisis data kebanyakan responden adalah terdiri daripada ibu bapa yang dalam lingkungan umur 20-25 tahun iaitu seramai 71 orang (59.16%) diikuti dengan ibu bapa 26-30 tahun dengan jumlah sebanyak 27 orang (22.50%) dan ibu bapa berumur 31-35 tahun seramai 22 orang (18.33%). Di samping itu, responden kajian juga dilihat terarah kepada kaum Melayu sebagai majoriti 67 orang (55.83%) manakala selebihnya minoriti kaum bukan Melayu iaitu Cina seramai 25 orang (20.83%), kaum India sebanyak 28 orang (23.33%), dan lain-lain hanyalah 2 orang sahaja (1.74%).

Seterusnya bilangan anak yang masih berada di taska atau tadika, iaitu seramai 22 orang (18.33%), diikuti dua orang anak iaitu 56 orang (46.66%), dan 42 orang responden pula memiliki seorang anak (35.00%). Dari aspek latar belakang anggaran pendapatan bulanan didapati lebih dari separuh jumlah keseluruhan responden tergolong dalam golongan B40 iaitu anggaran pendapatan tidak melebihi RM4000 sebulan iaitu seramai 65 orang (54.16%). Seterusnya ibu bapa yang berpendapatan kurang daripada RM2500 pula mencatatkan seramai 47 orang responden (39.16%), manakala selebihnya menjawab anggaran tidak menentu. Ini menunjukkan responden kajian terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai pekerjaan yang berbeza dan tinggal di kawasan yang berbeza, malah terdapat segelintir ibu bapa yang bekerja sendiri.

JADUAL 1. Maklumat demografi

Demografi Responden	Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	55	45.83%
	Perempuan	65	54.16%
Umur	20-25	71	59.16%
	26-30	27	22.50%
	31-35	22	18.33%
Kaum	Melayu	67	55.83%
	India	25	20.83%
	Cina	28	23.33%
Bilangan anak	3 orang anak	22	18.33%
	2 orang anak	56	46.66%
	1 orang anak	42	35.00%
Anggaran purata gaji	Tidak melebihi RM4000	65	54.16%
	Kurang dari RM2500	47	39.16%
	Pendapatan tidak menentu	8	6.66%


JADUAL 2. Mengetahui maklumat dari ibu bapa berkaitan konten pengisian gajet yang dilihat oleh kanak-kanak

Item	Tidak Setuju		Setuju		Kurang Pasti	
	f	%	f	%	f	%
Kanak-kanak menggunakan gajet untuk tujuan bermain permainan	13	10.83%	101	94.78%	6	5.21%
Kanak-kanak menggunakan gajet untuk tujuan menonton video animasi kanak-kanak	7	5.83%	98	85.21%	15	12.50%
Kanak-kanak menggunakan gajet untuk tujuan melihat video animasi yang diberikan sahaja oleh ibu bapa	79	65.83%	14	11.66%	27	22.50%
Kanak-kanak menggunakan gajet untuk tujuan melihat media sosial seperti melihat tiktok facebook dan sebagainya	29	24.16%	16	13.33%	75	62.50%
Kanak-kanak menggunakan gajet dengan memilih sendiri pengisian konten yang mereka minati			83	69.16%	37	30.83%

Jadual 2 merujuk kepada maklumat dari ibu bapa berdasarkan pengetahuan mereka terhadap penggunaan gajet dalam kalangan anak-anak. Untuk bahagian dapatan ini responden dibenarkan untuk memilih lebih daripada satu konten pengisian gajet yang dilihat oleh kanak-kanak. Terdapat segelintir sahaja ibu bapa yang kurang pasti dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Berdasarkan jadual 2 di atas jelas menunjukkan kebanyakan ibu bapa membentarkan anak-anak mereka menggunakan gajet untuk tujuan bermain permainan dan melihat video animasi kanak-kanak. Hampir kesemua responden bersetuju iaitu seramai 101 (84.16%) dan 98 (85.21%) kanak-kanak dibenarkan untuk menggunakan gajet untuk tujuan tersebut.

Di samping itu, sebahagian besar ibu bapa seramai 79 (65.83%) tidak bersetuju bahawa kanak-kanak menggunakan gajet untuk melihat video animasi yang diberikan oleh ibu bapa sahaja manakala peratusan kedua tertinggi seramai 27 responden (22.50%) tidak pasti dan selebihnya bersetuju. Seterusnya bagi konten pengisian media sosial sebahagian besar ibu bapa 75 (62.50%) kurang pasti dengan pengisian konten kanak-kanak terhadap media sosial dan komponen terakhir yang dijawab ialah 83 responden (69.16%) bersetuju bahawa kanak-kanak akan memilih sendiri pengisian konten yang mereka minati.

JADUAL 3. Mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kanak-kanak.



Jadual 3 merujuk kepada persepsi ibu bapa terhadap kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kanak-kanak. Berdasarkan jadual tersebut secara keseluruhannya kesemua ibu bapa bersetuju bahawa penggunaan gajet akan memberi perubahan kepada perkembangan kanak-kanak. Pertama sekali, hasil dapatan kajian yang telah dianalisis seramai 82 responden (68.33%) bersetuju bahawa penggunaan gajet akan membawa perubahan kepada tingkah laku kanak-kanak, 22 responden yang menunjukkan peratusan sebanyak 18.33% pula tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Seterusnya aspek perubahan fizikal kanak-kanak iaitu 64 (53.33%) responden bersetuju manakala 30 responden (25.00%) tidak bersetuju bahawa gajet akan memberi kesan kepada perkembangan fizikal kanak-kanak. Pada aspek perubahan sosio emosi didapati seramai 79 (65.83%) ibu bapa bersetuju bahawa gajet telah menyebabkan anak-anak mereka menunjukkan perubahan dalam aspek sosio emosi, manakala 22 (18.33%) tidak pasti dan 19 (15.53%) tidak bersetuju. Komponen yang terakhir dinilai adalah kepada perubahan aspek komunikasi dan interaksi kanak-kanak. Hasil analisis data menunjukkan 91 (75.83%) bersetuju bahawa secara umumnya pemberian gajet serta pengaruhnya akan memberi impak kepada aspek komunikasi dan interaksi mereka. Terdapat 10 (8.33%) responden tidak bersetuju dan 19 responden (15.83%) kurang pasti tentang kesan penggunaan gajet kepada anak-anak mereka.

PERBINCANGAN

Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak sudah menjadi suatu perkara yang biasa pada masa kini malah kanak-kanak pada masa ini lebih tertarik kepada gajet berbanding dengan perkara lain (Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir & Rahim Kamarul Zaman 2020). Terdapat pelbagai faktor yang mungkin menjadi ibu bapa memberi gajet kepada anak-anak mereka, namun yang pasti penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak akan mempengaruhi perkembangan mereka sama ada dari sudut yang positif maupun negatif.

Ini disokong oleh beberapa kajian yang menunjukkan pengaruh penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak akan mempengaruhi perkembangan menyeluruh mereka (Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman et al. 2022). Dapatan kajian yang telah dianalisis jelas memperlihatkan aspek komunikasi dan interaksi merupakan antara komponen yang sangat mempengaruhi kanak-kanak. Seperti yang disokong oleh Muhammad Saifullah Mamat, Khairulnazrin Nasir dan Rahim Kamarul Zaman (2020) penggunaan peranti elektronik terutamanya telefon bimbit telah menyebabkan kanak-kanak menjadi lebih pasif dan kurang berinteraksi bersama ahli keluarga terutamanya ibu bapa.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan terdapat segelintir ibu bapa yang tidak begitu mementingkan pengisian konten isi

kandungan gajet yang kanak-kanak lihat sama ada baik atau buruk. Apa yang lebih penting bagi ibu bapa ialah mendapat ruang dan peluang untuk berehat di rumah tanpa perlu mengawasi anak-anak mereka (Nura Zafirah Zailan & Iylia Mohamad 2023) sekaligus menyebabkan ibu bapa akan kurang berkomunikasi dengan anak-anak mereka (Amir Nordin Dollah & Mohd Mokhtar Tahar 2022). Hal ini lebih membimbangkan kerana turut mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak (Zaleha Damanhuri et al. 2021).

Menurut Shamilatul Sufia Abdullah dan A'dawiyah Ismail (2022), dalam dunia teknologi, kanak-kanak dilihat begitu leka bermain gajet sehingga tidak berminat melakukan aktiviti fizikal. Mereka lebih tertumpu kepada permainan atau video animasi kanak-kanak di gajet sehingga masa yang lama tanpa menghiraukan perkara lain. Hal ini akan menjelaskan kemahiran kanak-kanak yang merangkumi kemahiran bersosial, perkembangan fizikal dan sebagainya apabila berada dalam persekitaran (Seligie Lajan Anak Manggie & Ruhizan M. Yasin 2022).

KESIMPULAN

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dikemukakan mengenai penggunaan gajet dalam kalangan kanak-kanak, beberapa cadangan dapat diberikan kepada ibu bapa, pendidik, dan penggubal dasar untuk menangani isu ini dengan lebih berkesan antaranya ialah ibu bapa perlu diberikan pendidikan mengenai kesan penggunaan gajet yang berlebihan terhadap perkembangan kanak-kanak. Program kesedaran yang lebih menyeluruh harus dijalankan bagi membantu ibu bapa memahami peranan mereka dalam membimbing penggunaan gajet oleh anak-anak. Pengisian konten yang dilihat oleh kanak-kanak juga perlu diberikan perhatian yang lebih serius untuk memastikan kandungan tersebut memberi manfaat kepada perkembangan mereka. Selain itu, sebelum membenarkan anak-anak menggunakan gajet ibu bapa perlu memastikan kandungan tersebut sesuai dengan usia dan tahap perkembangan mereka yang memberikan manfaat pendidikan dan interaktif. Di samping itu, ibu bapa boleh mengamalkan pendekatan *screen time* yang terhad dan menetapkan waktu tertentu untuk penggunaan gajet dan mengutamakan aktiviti bersama keluarga.

Tidak ketinggalan pendidik perlu memainkan peranan penting dalam memberi pengetahuan kepada kanak-kanak mengenai penggunaan gajet yang sihat. Aktiviti pembelajaran dalam kelas boleh

disusun dengan pendekatan yang lebih interaktif dan menggalakkan kanak-kanak untuk lebih berkomunikasi antara satu sama lain. Sekolah juga boleh mengadakan sesi tentang kesan penggunaan gajet yang berlebihan terhadap perkembangan kanak-kanak serta cara-cara untuk menggunakan dengan bijak. Guru boleh mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran secara bijak, dengan memastikan alat digital digunakan untuk tujuan yang mendidik dan memperkaya pengalaman pembelajaran. Penggunaan gajet dalam kelas perlu difokuskan kepada penyelesaian masalah, kreativiti, dan pemahaman konsep, bukannya untuk hiburan semata-mata.

Akhirnya pihak penggubal dasar perlu mempertimbangkan untuk menetapkan peraturan yang lebih ketat mengenai akses kepada gajet dan kandungan digital untuk kanak-kanak. Pengawasan terhadap kandungan yang dilihat oleh kanak-kanak perlu diberi perhatian serius, termasuk pengenalan aplikasi dan platform yang selamat untuk mereka. Selain itu, dasar pendidikan yang memberi fokus kepada keseimbangan penggunaan gajet dan aktiviti fizikal juga perlu diperkenalkan. Dengan cadangan-cadangan ini, diharapkan dapat membantu menangani masalah penggunaan gajet yang berlebihan dalam kalangan kanak-kanak dan memberi kesan positif kepada perkembangan sosial, fizikal, dan emosi mereka.

RUJUKAN

- Ab Razak N.H. & Abd Rahman N. 2023. Pengaruh hubungan ibu bapa-anak terhadap ketagihan internet kanak-kanak dan remaja. *Southeast Asia Early Childhood Journal* 12(2): 91-99.
- Abdullah S.S. & Ismail A. D. 2022. Kebimbangan dan peranan ibu dalam menjaga akidah dan akhlak anak-anak dalam era Digital. *Jurnal Pengajian Islam* 15(1): 195-207.
- Abraha M. 2022. Parental involvement status in their children's learning: selam primary school of Woldia Town, Ethiopia. *Education Research International* 2022(1): 7536741.
- Adi H.M.M. 2020. Teori Belajar Behaviorisme Albert Bandura Dan Implikasinya Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *ان-ن-اس-سل (LISANUNA): Jurnal Ilmu Bahasa Arab dan Pembelajarannya* 10(1): 22-31.
- Aina Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof. 2020. Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah Gadget Usage on the Development of Preschool Children. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* (Isu khas) 9: 113-126.
- Amalia, A.R. 2023. Peran Orang Tua terhadap Kontrol Diri Anak dalam Penggunaan Smartphone. *TAUJIHAT: Jurnal Bimbingan Konseling Islam*: 107-118.
- Ariffin R.M. 2020. Pengintegrasian teori ekologi persekitaran dalam mendepani revolusi pendidikan 4.0. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 21(3): 135-149.
- Damanhuri Z., Nor M.M., Ibrahim N.N.S. & Aimi A.Z.A. 2021. Masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika. *Jurnal Kesidang* 6(1): 69-79.

- Fazree S.D.M. & Zakaria S.M. 2018. Kesan penggunaan gajet kepada perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(4): 1-6.
- Hamizi M.A.F.M. 2023. Penggunaan media sosial sebagai media baharu dan impaknya terhadap masyarakat Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan* 15: 24-37.
- Handika H.H., Zubaidah T. & Witarsa R. 2022. Analisis teori perkembangan kognitif Jean Piaget dan implikasinya dalam pembelajaran Matematika di sekolah dasar. *Didaktis: Jurnal Pendidikan dan Ilmu Pengetahuan* 22(2): 124-140.
- Harun H. & Ali H.M. 2021. Peranan bapa dalam pembentukan keluarga sejahtera: analisa isu-isu dan cabaran di era digital. *Online Journal of Research in Islamic Studies* 8(2): 57-66.
- Husin F.N.C., Yasin M.H.M. & Surat S. 2023. Gaya Keibubapaan Dan Ketagihan Penggunaan Peranti Teknologi Digital Kanak-Kanak Bermasalah Pembelajaran. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Malaysia (JPPTM)* 1(1): 43-52.
- Idriki N.A.M. & Tan B.P. 2022. Aplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam talian: cabaran guru Pendidikan Moral. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*: 16-35.
- Ilhami A. 2022. Implikasi teori perkembangan kognitif Piaget pada anak usia sekolah dasar dalam pembelajaran bahasa Indonesia. *Pendas: Jurnal Ilmiah Pendidikan Dasar* 7(2): 605-619.
- Ismail S., Rasit R.M., Aini Z. & Murghayah S.K.M.H. 2023. Uslub maw'izah hasanah dalam pendidikan anak-anak muslim berdasarkan tarbiyah al-awlad fi al-Islam. *Jurnal Pengajian Islam* 16(2): 80-98.
- Jamil N.A., Kariuddin N.A.F. Abdul, M.A. Arof, N.M. Mohamad, I. & Harun F.A. 2022. Penglibatan ibu bapa dalam rutin perbualan harian bersama anak: satu analisis keperluan. *Jurnal Sains Sosial* 7(1): 53-60.
- Junaidi R.B. 2020. Persekutuan yang membentuk modal insan dalam novel kanak-kanak: Environment that form human capital in children's novels. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa* 31(1): 97-119.
- Kementerian kesihatan Malaysia bahagian amalan dan perkembangan farmasi 2018.
- Lestari A.I.Y. & Al Kufiyyah L.S. 2022. Analisis hadis tentang peran orang tua dalam pendidikan anak. *RABBAYANI: Jurnal Pendidikan dan Peradaban Islami* 2(2): 44-53.
- Lumowa J. & Rudu N. 2023. Dampak gadget terhadap interaksi sosial keluarga di Kelurahan Mahakeret Barat Manado. *Journal Social Welfare* 11(1): 22-28.
- Lutfiatin M.P. & Hamdan S.R. 2021. Parental involvement pada orang tua dengan anak slow learner di Bandung. *Jurnal Psikologi Malahayati* 3(2): 63-73.
- Mamat M.S., Nasir K. & Zaman R.K. 2020. Interaksi sosial terhadap kanak-kanak: teori dan aplikasi nabawi berdasarkan hadis yā abā 'umayr. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge* 1(1): 67-88.
- Mat H. & Zain A. 2022. Kesan penggunaan gajet terhadap kanak-kanak semasa pengajaran dan pembelajaran dalam norma baharu. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI* 15: 29-37.
- Mokalu V.R., Panjaitan J.K., Boiliu N.I. & Rantung D.A. 2022. Hubungan teori belajar dengan teknologi pendidikan. *Edukatif: Jurnal Ilmu Pendidikan* 4(1): 1475-1486.
- Nasir M.A. 2022. Teori konstruktivisme piaget: implementasi dalam pembelajaran Al-qur'an hadis. *JSG: Jurnal Sang Guru* 1(3): 215-223.
- Natamia H.D., Unzurna F. & Fauziati E. 2022. tinjauan perspektif Behaviorisme terhadap Kegiatan Ekstrakurikuler Kepramukaan di SD Negeri 1 Simo Boyolali. *Jurnal Pendidikan Karakter* 13(1): 1-14.
- Ng H.Y., Surat S. & Rahman S. 2023. Pengaruh Ketagihan internet: perubahan tingkah laku murid sekolah rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 8(5): e002340-e002340.
- Nguyen T.T.P., Nguyen T.T., Do H.N., Vu T.B.T., Vu K.L., Do H.M. & Ho R.C. 2022. Parent-child relationship quality and internet use in a developing country: Adolescents' perspectives. *Frontiers in Psychology* 13: 847278.
- Qomariah D.N., Kuswandi A.A., Saripatunnisa Y., Noviana I.P. & Enurmanah E. 2022. Keterlibatan orang tua dalam program pendidikan anak usia dini. *Jurnal Pendidikan* 6(2):31-44.
- Rafee S. 2022. Ketagihan gajet di kalangan pelajar sebuah sekolah di Pulau Pinang: Kajian kes menggunakan intervensi Tazkiyah An Nafs. *Journal Contemporary of Islamic Counselling Perspective* 1(1): 88-102.
- Rahayuningsih S., Latiana L. & Pranoto Y.K.S. 2022. Model pelibatan orang tua dalam *blended learning* untuk meningkatkan percaya diri anak. *Jurnal Obsesi: Jurnal Pendidikan Anak Usia Dini* 6(5): 4901-4909.
- Rahmah A.N., Nasution F.S.M., Salsabila N.A., Nafisah S. & Abdillah T.K. 2024. Sosialisasi membentuk konsep diri untuk pengasuhan yang positif pada anak di era digital. *Jurnal Pengabdian Inovatif Masyarakat* 1(1): 19-27.
- Sulaiman S. & Yasin M.H.M. 2022. Hubungan teori bronfenbrenner dalam pembentukan disiplin murid berkeperluan khas pendengaran di asrama Sk Pendidikan Khas. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)* 2(3).
- Supermane S. 2020. Kepemimpinan transformasi di Institut Pendidikan Guru. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* 3: 62-73.
- Tarmizi N.A.N. & Sulaiman W.S.W. 2022. Hubungan antara gaya keibubapaan, tingkah laku ketagihan pornografi dan kepuasan hidup dalam kalangan mahasiswa di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana* 6(1): 1-13.
- Tullah R. 2020. Penerapan teori sosial albert bandura dalam proses belajar. *Jurnal At-Tarbiyyah: Jurnal Ilmu Pendidikan Islam* 6(1): 48-55.
- Wardani H.K. 2022. Pemikiran teori kognitif piaget di sekolah dasar. *Khazanah Pendidikan* 16(1): 7-19.
- Zailan N.Z. & Mohamad I. 2023. Satu kajian kes: Mengenalpasti kesan komunikasi ibu bapa dengan anak-anak ketika di rumah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 12(1): 92-98.
- Zaini Z.H., Damanhuri Z., Ali M.A.Z. & Ibrahim A.Z. 2021. Kesediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Jurnal Kesidang* 6(1): 80-95.

Mohd Nizam Naqiyuddin Ahmad Sobri
Fakulti Pendidikan dan Sosial Sains Universiti Selangor Malaysia
E-mel: nizamnaqiyuddinahmadsobri@yahoo.com
Pengarang koresponden

Mohamed Ayob Sukani
Fakulti Pendidikan dan Sosial Sains Universiti Selangor Malaysia
E-mel: ayob2726@unisel.edu.my